



## YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA

### SIARAN MEDIA

#### '11 RAKAN STRATEGIK YKN MEMPERKASAKAN KOMUNITI KUMPULAN SASAR YKN'

**PUTRAJAYA, 15 April 2019** – “Sebanyak 11 Rakan Strategik YKN yang terdiri daripada syarikat korporat, GLC, Insituti Pengajian Tinggi, Agensi Kerajaan, Institusi Kewangan, NGO, Pusat Kesihatan dan juga individu begitu prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh mereka yang memerlukan telah menjalinkan kerjasama dengan YKN”, kata YAB Dato’ Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara dalam Majlis Penyampaian Tajaan dan Tandatangan Memorandum pada hari ini.

Melalui kerjasama tersebut, YKN telah membuktikan kesungguhan dan komitmen dalam memberi perkhidmatan yang telus dan terbaik kepada masyarakat apabila berjaya mewujudkan 5 buah Anjung Singgah dan 6 buah YKN Dialsis di seluruh negara serta 10 buah Anjung Kasih yang telah beroperasi dan 4 buah yang bakal beroperasi tidak lama lagi menjadi keseluruhannya 14 buah Anjung Kasih.

Tambah YAB Dato’ Seri Dr. Wan Azizah, “Jalinan kolaborasi yang dijalankan antara YKN bersama-sama Rakan-rakan Strategik YKN ini dapat memperkasakan komuniti untuk meningkatkan taraf hidup golongan sasar YKN terutama sekali bagi mereka yang memerlukan bantuan”.

“Saya menyeru dan mengalu-alukan agar lebih banyak syarikat korporat, GLC, Insituti Pengajian Tinggi, Agensi Kerajaan, Institusi Kewangan, NGO, Pusat Kesihatan dan juga individu untuk tampil dan membantu mereka yang memerlukan dan kurang berkemampuan melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) masing-masing”, ujar YAB Dato’ Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail lagi.

Turut hadir YB Puan Hannah Yeow, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Dato’ Dr. Rose Lena Lazemi, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), YBhg. Tan Sri Dato’ Seri Mohd Saleh Sulong, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN dan Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN, YBhg. Datin Paduka Che Asmah Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan rakan-rakan strategik YKN yang sentiasa membantu kumpulan sasar YKN.

Disediakan oleh :	Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat Yayasan Kebajikan Negara Malaysia, Aras 8, Bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya.
No. Telefon :	03 – 8323 2437 / 03-8323 2420
Tarikh dikeluarkan :	12 April 2019